

Pengarah Bahagian Perundangan Dan Advokasi
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
Tingkat 19-24, Menara Tun Ismail Mohd Ali
Jalan Raja Laut
50562 KUALA LUMPUR
Faks: 03-26949395

Assalamualaikum tuan,

ADUAN MENGENAI PUSAT PEMULIHAN PERKID MENGGANGGU KETENTERAMAN PENDUDUK

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

Saya merupakan penduduk asal yang menetap di Taman Desa Sentosa, Dusun Tua, Hulu Langat, Selangor. Tujuan saya membuat aduan ini adalah kerana sudah tidak tahan lagi dengan kerenah pihak pengurusan pusat pemulihan tersebut.

Untuk makluman pihak tuan, sebelum PERKID tersebut wujud di taman ini, **tiada** mana-mana pihak pun yang tampil untuk meminta kebenaran daripada penduduk terutamanya jiran-jiran yang berdekatan.

Terdahulu, Rumah Kebajikan PERKID iaitu Asrama Raudathus Solehah merupakan rumah rawatan dan pemulihan untuk remaja wanita telah didirikan di Jalan Sentosa 20. Seorang jiran saya bercerita yang beliau telah mengambil anak angkat di sini dan dikenakan bayaran proses lebih kurang sebanyak RM3000. Persoalannya ialah, adakah jumlah ini berbaloi? Kerana, bayi yang diambil sebagai anak angkat ini adalah anak hasil persetubuhan haram (zina).

Beberapa tahun kemudian, Rumah Sahabat PERKID merupakan rumah rawatan dan pemulihan untuk remaja lelaki telah ditubuhkan di lot tepi, Jalan Sentosa 14. Kami jiran-jiran yang berdekatan tidak bersetuju dengan pembinaan Rumah Sahabat ini. Aduan melalui percakapan telah dibuat kepada Jawatankuasa Penduduk tetapi tiada sebarang tindakan diambil.

PERKID selalu membuat program Kem Motivasi di perkarangan Rumah Sahabat ini. Masalahnya apabila ada sesuatu program dijalankan, kenderaan ibu bapa peserta program akan di parkir di kiri dan kanan bahu jalan hadapan rumah kediaman lain. Keadaan ini menyebabkan jalan menjadi sesak dan laluan menjadi sempit. Ini juga menyukarkan jiran-jiran untuk memakir kenderaan persendirian milik masing-masing. Semasa program dijalankan, pihak pengurusan PERKID juga menggunakan alat membesar suara. Mereka memasang dengan kuat. Tidak kiralah waktu tengah malam atau siang sama sahaja. Bunyi bising mengganggu ketenteraman kami sehingga susah hendak tidur. Semasa dalam ceramahnya, Ustaz PERKID tersebut bercakap dengan nada sombong dan bongkak. Antara percakapannya; " Di sini, sistem latihannya lebih bagus daripada Pusat Serenti dan Penjara kerana siapa yang masuk sini, cepat pulih dan insaf". Salah satu program yang dijalankan, pihak pengurusan telah melantik beberapa orang penduduk taman sebagai urus setia. Sedangkan sebelum ini, penduduk tersebutlah yang beria-ia membantah penubuhan PERKID ini. Entah apalah yang disogokkan sehingga hati penduduk boleh menjadi 'cair' dan sama-sama bersekongkol dengan mereka. Termasuklah seorang artis iaitu pelakon dan pelawak terkenal yang turut sama-sama 'suka rela' membantu pihak pengurusan PERKID.

Pernah suatu ketika dahulu, ada penghuni PERKID yang melarikan diri, tetapi berjaya ditangkap oleh penduduk kampung. Petugas PERKID memakir kereta di hadapan pusat tersebut pada tengah malam dan enjin kereta dihidupkan. Bunyi enjin turbo yang bising dan petugas tersebut juga memasang radio kereta dengan kuat. Selepas di tegur, barulah petugas tersebut mematikan enjin kereta dan memperlahankan bunyi radio. Sebagai manusia yang waras, adakah patut bertindak sedemikian? Sedangkan ketika itu adalah waktu tengah malam dan sepatutnya penduduk tidur dengan lena. Tindakan mereka ini menunjukkan mereka tiada belas ehsan, mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin dengan perasaan jiran sekeliling.

Baru-baru ini, selepas tersebarnya kisah ada penghuni pusat pemulihan tersebut meninggal dunia akibat didera dengan teruk, saya melihatkan bahawa pihak pengurusan PERKID masih lagi tidak serik dan insaf. Mereka masih bercakap dengan nada angkuh dan bongkak. Tiada rasa bersalah langsung. Sebaliknya menyalahkan pihak media kerana memperbesarkan cerita. Seorang jiran yang terdekat, ada memberitahu seringkali terdengar jeritan meminta tolong dari arah pusat pemulihan tersebut. Tetapi ketika itu, tiada sebarang syak wasangka kerana petugas dan pengurusan pusat tersebut pandai mengaburi mata penduduk setempat dengan kata-kata manis dan penafian yang boleh mempengaruhi sesiapa jua yang mendengarnya.

Sudah menjadi kebiasaan, setiap hujung minggu PERKID akan memasang lagu-lagu nasyid dengan kuat. Sementara itu, penghuni pusat pemulihan tersebut dibenarkan keluar dari kawasan pagar PERKID untuk membersihkan kawasan luar sekitar PERKID. Mereka bebas keluar dan masuk PERKID. Bayangkanlah sekiranya mereka ini terlepas dan menceroboh/ memecah masuk rumah penduduk, bagaimanakah implikasinya?. Saya merasakan adalah tidak sesuai diletakkan Pusat Pemulihan di dalam kawasan Taman Perumahan yang mana ramai penduduk mempunyai anak-anak gadis remaja. Pengaruh yang buruk terutama dalam masalah sosial yang mereka hadapi. Pusat pemulihan seumpama ini sepatutnya didirikan jauh dari rumah-rumah kediaman.

Sekian saja aduan saya. Saya berharap, pihak tuan akan mengambil tindakan yang sewajarnya dengan membubarkan atau memindahkan pusat pemulihan tersebut demi keselamatan, keselesaan dan ketenteraman penduduk setempat.

Kerjasama daripada pihak tuan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang Ikhlas,

Penduduk Bimbang.

s.k: Yang Di-Pertua
Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
Menara MPKj
Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 KAJANG
Selangor Darul Ehsan

Ketua Bahagian Siasatan Jenayah
IPD Kajang
Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang
Polis Diraja Malaysia
43000 KAJANG
Selangor Darul Ehsan